

14/11/1997

PM mahu rakyat jaga kedaulatan

Dzulkfley Zanudin; Azmi Md Deros; Yahya Awang
TAIPING, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia serta berdiri teguh di belakang pemimpin untuk menentang sebarang usaha memperhambakan negara ini oleh Barat.

Perdana Menteri yakin negara ini akan terus membangun jika rakyat dan semua pihak, termasuk pengusaha dan pelabur bersatu menangkis ancaman luar.

Menurutnya, rakyat perlu sedar kini ada usaha yang cuba menjajah negara ini dengan menggunakan wang kerana mereka percaya dengan menjatuhkan nilai ringgit, ia akan memiskinkan negara.

"Apabila ini terjadi, Malaysia akan meminta hutang lalu mereka pun mengenakan syarat tertentu, termasuk menguasai politik negara.

"Oleh itu, rakyat tidak sepatutnya membenarkan keadaan ini berlaku kerana dalam tempoh 400 tahun penjajahan tiada pembangunan yang nyata berbanding 40 tahun merdeka," katanya ketika merasmikan Bukit Merah Laketown Waterpark di Bukit Merah, dekat sini, petang ini. Turut hadir, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Pengerusi Eksekutif Syarikat Kumpulan Emkay, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar.

Hampir 10,000 pemimpin tempatan dan rakyat menghadiri majlis itu bagi memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri, termasuk melaungkan 'Hidup Mahathir'.

Projek itu adalah sebahagian pembangunan Bandar Tasik Bukit Merah oleh Segi Objektif (M) Sdn Bhd, anak Syarikat Kumpulan Emkay, selain taman tema air dan marina.

Perdana Menteri berkata, orang asing yang cuba memiskinkan Malaysia yakin mereka sudah berjaya dan menghantar pasukan jurugambarnya untuk membuat liputan mengenai ekonomi negara yang dijangkanya merosot.

"Bagaimanapun mereka kecewa apabila gagal membunuh negara ini kerana kekuatan semangat rakyat ini yang kukuh dan tidak mengambil peluang untuk mengadakan demonstrasi atau mogok dalam menghadapi masalah kewangan ini," katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, rakyat Malaysia bekerja lebih kuat untuk mengeluarkan lebih barangan bagi pasaran eksport.

Beliau berkata, selagi rakyat sedar tanggungjawab bersatu padu dan berdisiplin, maka adalah sukar untuk sebarang bentuk penjajahan menular di negara ini.

Perdana Menteri juga mengingatkan pemilik tanah di kawasan yang sedang dimajukan supaya tidak menjual tanah mereka dengan cepat untuk tujuan mendapat keuntungan sementara.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, mereka sepatutnya menjual tanah untuk dijadikan modal bagi dilaburkan dalam pembangunan di kawasan mereka yang secara tidak langsung akan turut membantu membangunkan negara dengan lebih pesat lagi.

Menurutnya, dengan cara itu pemilik tanah tidak akan hilang harta mereka melalui penjualan hak milik mereka itu.

"Tanah itu adalah modal dan jika ianya dijual, wang yang didapati akan habis dibelanjakan dan kita hilang punca kekayaan kita," katanya.

(END)